

Ucapan : ADHO  
518  
137/80

Uchapan Y.B. Enche Hussein Onn,  
Menteri Pelajaran Malaysia, di-  
Upachara Pembukaan Rasmi Per-  
tandingan Bolasepak Sekolah2  
antara Negeri 1972 untok merebut  
Piala Rahman di-Stadium Merdeka,  
Kuala Lumpur, pada 3hb. April,  
1972 pukul 5.00 petang.

---

Tetamu kehormat, tuan2 dan puan2 sekalian.

Sebagai Yang Di-Pertua Majlis Sukan Sekolah2  
Malaysia dan bagi pehak semua Majlis Sukan Sekolah2  
Negeri, saya ingin menyatakan betapa gembira-nya saya  
atas kehadiran tuan2 dan puan2 sekalian pada petang ini,  
untok sama2 menyaksikan pembukaan Pertandingan Bolasepak  
Sekolah2 Antara Negeri 1972, bagi merebut Piala Rahman.

Selama lapan hari yang akan datang ini, lebeh  
dari 200 pemain bolasepak yang terdiri dari murid2 sekolah,  
akan mewakili 12 negeri Malaysia dalam pertandingan ini,  
bagi negeri masing2. Ini lah pertama kali-nya, bagini  
ramai sekali pemain2 terbaik bolasepak yang terdiri dari  
murid2 sekolah, di-kumpulkan untok menyertai dalam suatu  
pertandingan bolasepak di-peringkat kebangsaan. Pengalaman  
yang sungguh baik bagi para peserta ini, telah dapat di-  
adakan melalui anjoran yang sungguh bermurah hati dari  
pehak Pepsi-Cola International sa-bagai sa-bahagian

daripada rancangan perkhidmatan masharakat mereka.

Tahun lepas boleh lah di-anggap sa-bagai satu tahun yang bersejarah bagi Malaysia, dalam arena bolasepak Asia. Pasokan Kebangsaan kita, telah berjaya mendapat tempat untuk pergi ka-Olympik di-Munich, dengan memenangi pusingan kelayakan di-Seoul, Korea, dan pasokan Sekolah2 Malaysia bagi pemain2 di-bawah umur 18 tahun pula, telah muncul sa-bagai johan bersama2 dengan India, dalam kejohanan bolasepak Sekolah2 Asia yang Ke-Dua, yang telah di-adakan di-Singapura. Kejayaan Pasokan Sekolah2 Malaysia kita, terutama sekali di-sebabkan oleh mutu latehan yang tinggi di-peringkat negeri, dan usaha serta tenaga jurulateh2 yang berkenaan.

Kita semua sedar akan peranan penting, yang boleh di-mainkan oleh sekolah2, untuk meninggikan taraf sukan di-negara ini. Kesedaran ini-lah yang telah mendorong Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia dan Majlis Sukan Sekolah2 Negeri, untuk memula dan menjalankan pelbagai rancangan latehan, bagi murid2 di-peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan.

Atas daya usaha-nya sendiri, dan dengan kerjasama penoh dari semua Majlis Sukan Sekolah2 Negeri,

Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia telah melancharkan suatu ranchangan latehan bolasepak kebangsaan atas dasar jangka panjang, dengan tujuan untok melateh jurulateh2 yang ber-kelayakan, untok berkhidmat di-peringkat negeri. Sukachita di-perhatikan bahawa, Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia, dengan sokongan kuat daripada Majlis Sukan Sekolah2 Negeri Kelantan, Trengganu dan Pahang, telah berjaya mengadakan kursus2 latehan bolasepak bagi lebeh dari 80 jurulateh sekolah di-Kota Bharu, Kuala Trengganu dan Kuantan. Sa-kali lagi saya ingin menguchapkan terima kaseh kapada pehak Pepsi-Cola International, kerana bermurah hati menganjorkan ketiga2 kursus latehan ini, sa-bagai sa-bahagian daripada sumbangan mereka kapada Majlis2 Sukan Sekolah, dalam perkembangan bolasepak di-peringkat sekolah di-Malaysia.

Saya menguchapkan tahniah kapada semua peserta kerana terpilih untok mewakili negeri masing2. Mereka mempunyai suatu tugas penting dalam pertandingan ini, dan mereka hendak-lah bermain dengan sa-berapa baik yang boleh, dengan semangat kesukanan yang tulin.

Sekarang, dengan sa-berapa sukachita-nya, saya me-rasmikan pembukaan Pertandingan Bolasepak Sekolah2 Antara Negeri 1972.

Majlis Sukan Sekolah Malaysia telah melancarkan suatu  
 rancangan latihan bola sepak kebangsaan atas dasar jangka  
 panjang, dengan tujuan untuk melatih jurulatih yang ber-  
 kelayakan, untuk berkhidmat di peringkat negeri. Suka-siti  
 di-perhatikan bahawa, Majlis Sukan Sekolah Malaysia,  
 dengan sokongan kuat daripada Majlis Sukan Sekolah Negeri  
 Kelantan, Terengganu dan Pahang, telah berjaya mengadakan  
 kursus latihan bola sepak bagi lebih dari 80 jurulatih  
 sekolah di-Kota Bharu, Kuala Terengganu dan Kuantan.  
 Se-kali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada  
 pihak Pejabat-Gola International, kerana berminat hati  
 mengadakan kursus latihan ini, sebagai sa-  
 bahagian daripada sumbangan mereka kepada Majlis Sukan  
 Sekolah, dalam perkembangan bola sepak di-peringkat sekolah  
 di-Malaysia.



No. Siri ..... 98  
 No. Penerimaan ..... 98/80

Negeri 1975.